

06 SEP 1999

APEC-OMONG KOSONG

APEC MUNGKIN CUMA TEMPAT OMONG KOSONG BERSTATUS

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

AUCKLAND, 6 Sept (Bernama) -- Serangan spekulator terbaru ke atas baht Thailand baru-baru ini harus dijadikan peringatan kedua kepada Apec yang setakat ini gagal merubah dan menjamin pasaran matawang yang tersusun.

Dua tahun lepas di Vancouver, kumpulan ini sepatutnya telah mula melaksanakan perubahan: tetapi Apec mengengapikannya, seterusnya menimbulkan keraguan terhadap keberkesanan persekutuan serantau yang sering dilaung-laungkan oleh Apec.

Supaya pertemuan tahunannya tidak menjadi hanya tempat bersembang bersatus, Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik harus menggerakkan usaha keluar dari kelumpuhan ini dan bertindak memperkukuhkan pasaran kewangan dan ekonomi-ekonomi anggota.

Bagaimanapun, dalam kertas latar belakang yang dikeluarkan oleh tuan rumah tahun ini, New Zealand, mengenai isu utama bagi Apec 99 di sini, ia menyatakan bahawa "banyak persoalan mengenai kerangka kewangan global telah dibiarkan kepada institusi kewangan antarabangsa dan sebaiknya begitu."

Di situlah kelemahan Apec, menyerahkan sesuatu itu kepada orang lain walaupun ia mampu memperbetulkan kelemahan itu dan menjadikan kewujudannya dirasai. Dua puluh-satu anggotanya bukan negara yang boleh dipandang rendah kerana mereka termasuk beberapa negara besar dan menyumbang kepada 57 peratus ekono global dan hampir separuh daripada perdagangan dunia.

Apabila Apec memutuskan pada pertemuan di Vancouver untuk menyerahkan perbincangan mengenai kerangka kewangan global kepada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan kepada Kumpulan 22 Negara di pertemuannya di Kuala Lumpur tahun lepas, kumpulan itu menunjukkan kegagalan untuk bertindak dan membuat keputusan.

Isu pembukaan sektor perikatan dan perhutanan di bawah skim pengurangan tarif Liberalisasi Awal Sukarela Mengikut Sektor (EVSL) pun mencapai jalan buntu, diserahkan kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, dalam menyuarakan pendirian Malaysia mengenai perdagangan matawang, menjelaskan bahawa "tiada siapa yang bercakap mengenai menghentikan perdagangan matawang.

"Kita bercakap mengenai sempadan di mana perdagangan matawang boleh dilakukan seperti juga barangan dan perkhidmatan."

Auckland menjadi tuan rumah pertemuan Apec tahun ini, bermula esok dengan dua hari rundingan peringkat pegawai kanan. Ini akan diikuti dengan menteri luar dan menteri perdagangan bermula 9 Sept di mana Rafidah akan disertai oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Ini akan diakhiri dengan sidang kemuncak pemimpin bermula 12 Sept tetapi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan menghadirinya kerana jadual ketat beliau di dalam negara. Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan mewakili beliau, kemunculan pertama Abdullah di Apec sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Rafidah yang masak dengan urusan Apec, memberitahu Bernama baru-baru ini bahawa "kita tidak memperdagangkan barangan yang kita mahu, terdapat peraturan bagi melindungi negara, sempadan yang diikuti oleh para pedagang dan barangan, piawaian dan sebagainya.

"Apalah salahnya mengadakan sempadan yang serupa dengan perdagangan matawang. Tetapi di Apec, kita tidak pernah membincangkannya, selain daripada perkataan +reformasi+ dan kerangka yang disalah-guna.

"Dan adalah sedih apabila setiap rundingan berakhir dengan perubahan

ekonomi tempatan, pembukaan pasaran, globalisasi, ketelusan. Ini yang saya tidak faham."

"Di Apec, orang jarang membuat kenyataan yang boleh menggerakkan sesuatu dalam forum antarabangsa, terutamanya bila ia akan memberi kesan kepada negara-negara besar," kata Rafidah.

Beliau berkata tidak dapat dinafikan ada ekonomi-ekonomi yang berkuasa yang mahu memaksa orang lain mengurangkan tarif, membuka pasaran dan dasar-dasar yang memberi faedah kepada pelabur asing.

"Tetapi mereka tidak mahu membuat komitmen untuk merubah atau mengadakan peraturan untuk sistem kewangan," katanya. "Mereka tidakpun mahu bercakap mengenai putar-belit perdagangan matawang."

Menteri itu, dalam memberi amaran mengenai kelemahan ekonomi dan bahaya yang dihadapi mereka apabila mereka terdedah kepada spekulator matawang, berkata apa sahajapun yang dilakukan untuk mengubah ekonomi tempatannya, "jika anda membenarkan matawang anda diniagakan tanpa batasan, semua ini untuk membuka ekonomi tempatan tidak akan berhasil.

Beliau menambah: "Jika nilai matawang anda tiba-tiba hilang separuh dalam masa dua minggu, bank anda yang disusun dengan baik akan ranap, para pedagang akan menderita (dan) anda mungkin menjadi pasaran paling terbuka, tetapi ekonomi domestik anda akan berubah bentuk."

Oleh itu, katanya, ada negara yang harus berhenti membicarakan perubahan domestik kerana ia telahpun berlaku.

"Kerajaan, yang tidak melaksanakan perubahan yang diperlukan, tidak harusnya wujud lagi," katanya. "Semua kerajaan melaksanakan perubahan sedaya mungkin, tetapi orang asing dengan kepentingan sempit mereka tidak harus memaksa perubahan perdagangan dan pelaburan, tetapi itulah yang berlaku sekarang," kata Rafidah.

"Mereka memaksa kita apa yang harus dibuat, mereka memaksa kita apa yang harus diubah. Sama ada ia sesuai dengan ekonomi atau tidak, itu tidak penting bagi mereka, tidak ada orang yang melihat kepada perubahan yang paling penting, iaitu sistem kewangan," katanya.

"Mungkin kita harus melihat apa yang kita buat di Apec supaya ia menjamin ia berkaitan dengan keperluan pasaran bukannya bercakap mengenai pasaran bebas atau pasaran liberal," katanya. "Dalam Apec, kita tidak boleh mempunyai satu penawar bagi setiap orang memandangkan kepada peringkat pembangunan di kalangan ekonomi anggota. Anda tidak boleh menggunakan prinsip-prinsip yang sama kepada setiap orang," katanya.

-- BERNAMA

MR JR MA